

PENYEDIAAN DAN PENGURUSAN KAWASAN LAPANG PERUMAHAN, KAJIAN KES :
MUKIM BATU, GOMBAK, SELANGOR.

Oleh

ROOSLINDA BINTI MAMAT

Tesis diserahkan untuk memenuhi sebahagian keperluan bagi Ijazah Sarjana Sains
Perancangan

PUSAT PENGAJIAN PERUMAHAN, BANGUNAN DAN PERANCANGAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

2002

PERAKUAN

Saya akui latihan ilmiah ini adalah hasil usaha saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



21.3.2002


Tandatangan Pelajar

Tarikh

ROOSLINDA BINTI MAMAT

PENGESAHAN PENYELIA

Saya akui bahawa latihan ilmiah ini telah dihasilkan oleh calon ini mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia.



21/3/02

Tandatangan Penyelia

Tarikh

DR. ALDRIN ABDULLAH

Abstrak

Penyediaan kemudahan masyarakat yang sempurna amat penting dalam usaha untuk melahirkan sebuah masyarakat yang sihat. Selaras dengan wawasan Negeri Selangor untuk mencapai negeri maju menjelang tahun 2005, penumpuan kepada penyediaan kemudahan sosial yang sempurna harus diambilkira supaya pembangunan ekonomi seimbang dengan pembangunan sosial. Satu isu yang berkaitan dengan penyediaan rekreasi ialah penyelenggaraan kawasan lapang. Walaupun isu tersebut telah lama, tetapi ia berlanjutan sehingga sekarang di mana terdapat kawasan lapang terutama di kawasan perumahan tidak diselenggara dengan baik. Oleh itu, kajian ini akan melihat kepada tahap penyediaan dan pengurusan kawasan lapang perumahan di Mukim Batu, Gombak, Selangor yang berada di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang. Penilaian terhadap tahap penyediaan dan pentadbiran merupakan satu cara yang terbaik untuk menjawab persoalan mengapa keadaan ini berlaku. Pengkajian ini akan dapat memberi gambaran sebenar corak pengurusan kawasan lapang oleh Majlis Perbandaran Selayang dan memberi panduan kepada pihak yang bertanggungjawab supaya turut memberi penekanan kepada kawasan lapang dalam proses perancangan.

Abstract

Recreational facilities are important for the community. In line with Selangor's vision to achieve the status of a developed state by the year 2005 and the hope to strike a balance between the economic and social developments, the concentration on providing outstanding recreational facilities should be considered seriously. One of the related issues is the maintenance of recreational areas. At the moment, recreational facilities in residential areas are not well-maintained. This research examines the management of recreational areas at Mukim Batu, Gombak, Selangor, which is under the administration of the Selayang Municipal Council. One approach of studying the issue is by evaluating the provision and management of recreational facilities. The findings of this study will be able to offer guidelines to the relevant authorities for future planning.

Penghargaan

Rasa syukur yang tidak terhingga di atas kekuatan dan keizinanNya, akhirnya kajian ini dapat diselesaikan. Penghargaan khusus kepada penyelia, Dr. Aldrin Abdullah yang banyak memberi bimbingan dan teguran yang membina di dalam penyelidikan ini. Tunjuk ajar dan pandangan yang telah diberikan telah membolehkan projek penyelidikan ini dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan. Ucapan ribuan terima kasih juga kepada En. Jamel Ariffin yang bertindak sebagai pembaca kedua di atas komen dan nasihat beliau dalam sesi viva.

Ucapan terima kasih buat semua kakitangan Majlis Perbandaran Selayang yang telah banyak membantu dalam kajian ini. Begitu juga kepada Pegawai Perancang Bandar Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Bandaraya Shah Alam yang memberi kerjasama yang baik dalam mendapatkan maklumat.

Kepada rakan seperjuangan, Shima, Suhazlinda, Mc Da, Niza dan Noor Aizi diucapkan ribuan terima kasih kerana banyak memberi bantuan dan tunjuk ajar. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada 'Mak' dan ahli keluarga yang banyak memberikan peransang, nasihat dan dorongan dalam perjalanan hidup ini. Semoga tuhan membalas jasa kalian semua.

KANDUNGAN

Abstrak	i
Abstract	ii
Penghargaan	iii
Kandungan	iv
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
Senarai Foto	ix
Senarai Singkatan	xii

BAB PERKARA MUKA SURAT

1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Permasalahan Kajian	3
1.2	Matlamat Kajian	4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Kepentingan Kajian	6
1.5	Skop Kajian	7
1.6	Organisasi Bab	9

2 REKREASI DAN KAWASAN LAPANG

2.0	Pengenalan	11
2.1	Definisi dan Konsep Rekreasi	13
2.1.1	Jenis-jenis Rekreasi	15
2.1.2	Ciri-ciri yang Mempengaruhi Kecenderungan Berekreasi	16
2.2	Hubungan Antara Kesenggangan dan Rekreasi	17
2.3	Definisi Kawasan Lapang	19
2.3.1	Jenis dan Klasifikasi Kawasan Lapang	21
2.3.2	Fungsi Kawasan Lapang	22
2.4	Keperluan Kegunaan Kawasan Lapang	24

2.5	Piawaian Kawasan Lapang dan Rekreasi di Malaysia	27
2.5.1	Kriteria Perancangan Bagi Kawasan Lapang	27
2.5.2	Perbandingan Piawaian Kawasan Lapang dan Rekreasi Dalam Negara	30
2.6	Kawalan Perundangan Bagi Penyediaan Taman Awam	34
2.7	Prinsip-prinsip Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi	37
2.8	Kriteria Pemilihan dan Pembangunan Tapak untuk Kemudahan Sukan dan Rekreasi	41
2.9	Kemudahan untuk Golongan Kurang Upaya	48
2.10	Perancangan Fizikal Kemudahan Sukan dan Rekreasi Dalam Komuniti	52
2.11	Rumusan	55

3 KAWASAN LAPANG DAN PENYEDIAANNYA

3.0	Pengenalan	56
3.1	Sejarah Kemudahan Rekreasi	56
3.2	Piawaian dan Garis Panduan Kawasan Lapang dan Rekreasi di Luar Negara	59
3.3	Rekabentuk Pembinaan Taman Permainan	64
3.4	Kemudahan untuk Golongan Kurang Upaya	71
3.5	Aspek Keselamatan di Lot Permainan	73
3.6	Perbandingan Piawaian Kawasan Lapang Di antara Malaysia Dengan Britain dan Amerika Syarikat	78
3.7	Rumusan	81

4 METODOLOGI KAJIAN

4.0	Pengenalan	82
4.1	Rekabentuk Kajian	82
4.2	Saiz Sampel	84
4.3	Kaedah Persampelan	85
4.4	Pilot Survey / Kajian Rintis	87
4.5	Penemuan Kajian	90
4.6	Temubual	99
4.7	Masalah Kajian	102

5	<u>KAWASAN KAJIAN</u>	
5.0	Pengenalan	103
5.1	Pengenalan Kawasan Kajian	107
5.2	Kemudahan Rekreasi di Kawasan Kajian	113
6	<u>ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN</u>	
6.0	Pengenalan	116
6.1	Maklumat yang Diperolehi Daripada Temubual Dengan Pihak Majlis Perbandaran Selayang	116
6.2	Analisis Daripada Inventori Fizikal	124
6.2.1	Bahan Binaan dan Keadaan Fizikal dan Struktur Kemudahan Peralatan	130
6.3	Penyediaan Landskap	135
6.4	Tahap Penyelenggaraan Landskap	137
6.5	Keadaan Rumput	139
6.6	Aspek Keselamatan dan Penyalahgunaan Kawasan Lapang	140
6.7	Perubahan Kawasan Lapang Kepada Kegunaan Lain	142
6.8	Rumusan Temubual Dengan Ketua Komuniti	145
6.9	Keluasan dan Peralatan di Kawasan Lapang	146
6.10	Rumusan	148
7	<u>RUMUSAN DAN CADANGAN</u>	
7.0	Pengenalan	149
7.1	Rumusan	150
7.2	Cadangan untuk Meningkatkan Kualiti dan Pengurusan Kawasan Lapang	153
7.3	Cadangan Kajian Masa Depan	160
7.4	Penutup	161

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	NAMA JADUAL	MUKA SURAT
2.1	Ringkasan Klasifikasi dan Hierarki Kawasan Rekreasi Mengikut Manual JPBD	29
2.2	Perbandingan Piawaian Kawasan Lapang yang Digunakan oleh Sebahagian pihak berkuasa tempatan di Malaysia	31
2.3	Jarak Maksimum Berjalan Kaki Tanpa Berhenti oleh Golongan Kurang Upaya	50
3.1	Piawaian untuk Taman dan Kawasan Rekreasi di Beberapa Bandar Dunia	60
3.2	Piawaian Kawasan Rekreasi oleh National Capital Development Commision	61
3.3	Penyediaan Kemudahan Rekreasi di Kawasan Pentadbiran Horlow	62
3.4	Piawaian Penyediaan Kemudahan Rekreasi di New York	63
3.5	Perbezaan Garis Panduan Piawaian Rekreasi dan Kawasan Lapang Di antara Malaysia Dengan Britain dan Amerika Syarikat	70
5.1	Unjuran Keperluan Kawasan Rekreasi di Negeri Selangor 2000-2020	105
5.2	Unjuran Keperluan Kawasan Rekreasi Daerah Gombak	108
5.3	Pertumbuhan Penduduk Mengikut Kawasan (1980 – 1991)	111
6.1	Bilangan Peralatan Mengikut Jenis dan Kawasan Lapang yang Disediakkannya	126

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	NAMA RAJAH	MUKA SURAT
2.1	Konsep Kejiranan Jose Sert	53
2.2	Konsep Kejiranan Frederick Gibberd	54
3.1	Pemisahan Ruang Permainan Mengikut Umur di Wellesley's Warren Park	73
4.1	Lokasi Kawasan Lapang yang Dijalankan Inventori Fizikal	88
4.2	Proses Penyelidikan	98
5.1	Peta Negeri Selangor Darul Ehsan	105
5.2	Peta Daerah Gombak	112
6.1	Keluasan Kawasan Lapang yang Dijalankan Inventori Fizikal	147

SENARAI FOTO

NO. FOTO	MUKA SURAT	MUKA SURAT
1	'Spring Item' yang Sesuai Digunakan oleh Kanak-kanak	24
2	Penyediaan Peralatan yang Pelbagai Akan Menarik Kanak-kanak untuk Mengunjungi Kawasan Lapang	25
3	Penyediaan kemudahan padang bola yang sesuai untuk golongan remaja	25
4	Penyediaan Bangku Sebagai Kemudahan Untuk Golongan Tua Berekreasi	26
5	Penglibatan Aktif Masyarakat Dalam Membangunkan Taman	58
6	Pokok yang Subur dan Diselenggara Dapat Meningkatkan Kualiti Visual di Kawasan Lapang	64
7	Penyediaan Peralatan Permainan yang Kreatif Akan Dapat Meningkatkan Pembangunan Minda Kanak-kanak	68
8	Kawasan Hutan Penyelidikan FRIM	114
9	Satu Set Permainan Jenis Integrated dan Memenuhi Piawaian ISO 9002	118
10	Jongkang-longkit yang Menarik dan Selamat untuk Digunakan	119
11	'Spring Item' yang Mempunyai Rekabentuk Menarik dan Menepati Piawaian ISO 9002	119
12	Set Lantai Permainan Dari Jenis 'Rubbermate'	120
13	Contoh Peralatan Jenis Integrated yang Banyak Digunakan Oleh MPS	109

14	Kawasan Lapang yang Ditukar Untuk Pembinaan Balairaya	124
15	Contoh Peralatan Permainan Integrated di Taman Selayang	127
16	Keadaan Tong Sampah yang Telah Rosak	132
17	Keadaan Fizikal Buaiian yang Berkeadaan Baik dan Kukuh	134
18	Keseluruhan Kawasan Tidak Ditanam Dengan Pokok Besar / Pokok Renek / Tumbuh-tumbuhan	135
19	1/4 Kawasan Ditanam Dengan Pokok Besar / Pokok Renek / Tumbuh-tumbuhan	135
20	1/2 Kawasan Ditanam Dengan Pokok Besar / Pokok Renek / Tumbuh-tumbuhan	136
21	3/4 Kawasan Ditanam Dengan Pokok Besar / Pokok Renek / Tumbuh-tumbuhan	136
22	Keseluruhan Kawasan Ditanam Dengan Pokok Besar / Pokok Renek / Tumbuh-tumbuhan	136
23	Keseluruhan Pokok Besar / Pokok Renek / Tumbuh-tumbuhan Tidak Diselenggara Dengan Baik Dari Segi Pencantasan, Susun Atur dan Kesuburannya	137
24	1/4 Pokok Besar / Pokok Renek / Tumbuh-tumbuhan Diselenggara Dengan Baik Dari Segi Pencantasan, Susun Atur dan Kesuburannya	137
25	1/2 Pokok Besar / Pokok Renek / Tumbuh-tumbuhan Diselenggara Dengan Baik Dari Segi Pencantasan, Susun Atur dan Kesuburannya	138
26	3/4 Pokok Besar / Pokok Renek / Tumbuh-tumbuhan Diselenggara Dengan Baik Dari Segi Pencantasan, Susun Atur dan Kesuburannya	138


27	Keseluruhan Pokok Besar / Pokok Renek / Tumbuh-tumbuhan Diselenggara Dengan Baik Dari Segi Percantasan, Susun Atur dan Kesuburannya	138
28	Keadaan Rumput yang Dijaga Dengan Baik Termasuk Pemotongannya	139
29	Keadaan Rumput yang Kurang Dijaga Dengan Baik Termasuk Pemotongannya	139
30	Keadaan Rumput yang Tidak Dijaga Dengan Baik Termasuk Pemotongannya	140
31	Penduduk Menjadikan Kawasan Lapang Sebagai Tempat Menjemur Kain	141
32	Reban Ayam yang Dibina Di atas Tapak Lot Permainan	141
33	Penyalahgunaan Kegunaan Buaian oleh Orang Dewasa	142
34	Lokasi Kawasan Lapang yang Berhampiran Dengan Kawasan Komersil	145
35	Papan Tanda yang Disediakan Perlulah Mempunyai Maklumat yang Boleh Disampaikan Kepada Pengguna Secara Berkesan.	156

SENARAI SINGKATAN

- DBKL : Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- JPBD : Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
- MPS : Majlis Perbandaran Selayang
- MBSA : Majlis Bandaraya Shah Alam
- MPPP : Majlis Perbandaran Pulau Pinang
- PBT : Pihak Berkuasa Tempatan
- PBPT : Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

BAB SATU

PENDAHULUAN



BAB

1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Kepentingan rekreasi di dalam kehidupan individu memang tidak dapat disangkal lagi. Pembentukan komuniti yang sihat dan cergas merupakan satu aset penting dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang produktif. Keperluan sosial penduduk terhadap kawasan lapang adalah berkait dengan aktiviti rekreasi. Ia digunakan sebagai tempat untuk melepaskan diri dari tekanan kerja di samping sebagai tempat untuk perubahan aktiviti harian.

Selaras dengan wawasan Negeri Selangor untuk mencapai negeri maju menjelang tahun 2005, penumpuan terhadap penyediaan kemudahan sosial tidak harus diketepikan selain daripada penekanan kepada sektor perindustrian yang menjadi penyumbang terbesar di dalam kemajuan ekonomi negeri (Kerajaan Negeri Selangor, 2001). Berdasarkan banci penduduk 2000, jumlah penduduk Negeri Selangor ialah 3 947 000 orang dan sehingga tahun 2020 ia dijangka akan meningkat kepada 8 266 000 orang (Kerajaan Negeri Selangor, 2001).

Pertumbuhan yang pesat ini sekaligus mempengaruhi jumlah kawasan rekreasi yang perlu disediakan untuk menampung keperluan penduduk.

Selain dari penekanan terhadap penyediaan kemudahan rekreasi khususnya kawasan lapang yang mencukupi, satu masalah yang perlu diberi perhatian ialah mengenai penyelenggaraan kawasan lapang dan ia menjadi salah satu isu utama di Daerah Gombak seperti yang dinyatakan di dalam Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Majlis Daerah Gombak dan pihak berkuasa perancangan tempatan (1995).

Keadaan ini perlu diubah kerana kawasan lapang yang baik akan menggalakkan pengunjung untuk menggunakannya. Salah satu cara yang terbaik ialah melalui pembentukan corak pentadbiran yang berkesan dan efisien terhadap pengurusan kawasan lapang. Rodney & F. Toalsan (1981) di dalam bukunya bertajuk 'Administration of Recreation, Park and Leisure Services' mengatakan pentadbiran adalah penting dalam pengurusan sesebuah kawasan rekreasi. Pentadbiran yang cekap, sumber kewangan dan bilangan tenaga kerja yang mencukupi merupakan satu kombinasi pengurusan yang mantap dalam mewujudkan sebuah kawasan lapang yang sebenarnya.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Penyediaan kawasan lapang terutama di kawasan-kawasan perumahan yang dapat memenuhi keperluan masyarakat adalah penting selaras dengan objektif kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang sihat dan dinamik. Namun begitu, kebanyakan kawasan lapang di kawasan perumahan awam tidak mempunyai kelengkapan dan kemudahan yang diperlukan (Melasutra Md. Dali, 1998).

Dari aspek penyediaan, timbul satu masalah di mana berlakunya ketidakcukupan dari segi saiz berdasarkan manual kawasan lapang oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), tren perubahan kawasan lapang kepada kegunaan lain dan sikap penduduk tempatan yang menyalahgunakan kawasan lapang untuk melakukan aktiviti lain seperti aktiviti pertanian. Penyediaan kemudahan rekreasi untuk golongan kurang upaya juga kurang diberi perhatian seperti tiadanya penyediaan 'ramp' sebagai akses untuk golongan ini.

Garis panduan penyediaan kawasan lapang yang berbeza di antara Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) menjadikan jenis peralatan permainan di sesebuah kawasan lapang tidak sama di antara setiap PBT dan tidak memenuhi garis panduan penyediaan tanah lapang dan rekreasi yang telah ditetapkan oleh JPBD. Selain itu, tiadanya satu jabatan yang khusus dalam mengawal pentadbiran kawasan lapang menjadikan pihak berkuasa tempatan tidak mempunyai tempat rujukan utama dalam

membangun dan menyelenggara kawasan lapang. Walaupun Jabatan Landskap Negara telah ditubuhkan, namun bidang kuasanya adalah terhad dan ia tidak mempunyai akta dalam menyelenggara dan membangun sesebuah kawasan lapang.

Penilaian tahap pengurusan dan pentadbiran kawasan lapang merupakan satu kaedah yang terbaik untuk menemui jawapan ke atas persoalan tadi. Sebagai pihak pentadbir dan pelaksana dasar, seharusnya pihak berkuasa tempatan mempunyai strategi dan program tertentu dalam mengurus kawasan lapang di dalam kawasannya.

1.2 MATLAMAT KAJIAN

Peruntukan penyediaan kawasan lapang di dalam setiap permohonan kebenaran merancang merupakan salah satu usaha dalam memastikan setiap pemajuan yang akan dilakukan turut mengambil kira tentang aspek pembangunan sosial. Oleh itu, setiap pemaju dan pihak berkuasa tempatan haruslah mempunyai komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab ini untuk memastikan penyediaan kawasan lapang benar-benar dapat dimanfaatkan oleh semua penduduk.

Wujudnya isu kawasan lapang tidak diselenggarakan dan terbiar menunjukkan tahap pengurusan kawasan lapang yang masih rendah. Justeru itu, penyelidikan ini dijalankan bagi meninjau tahap penyediaan kawasan lapang berdasarkan garis panduan penyediaannya.

Apakah ia telah menepati piawaian yang telah ditetapkan. Selain itu, kajian juga akan menjurus kepada aspek penyelenggaraan. Pengkajian ini akan menjawab persoalan tentang sejauhmana kawasan lapang di kawasan kajian diuruskan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Untuk mencapai matlamat kajian, beberapa objektif telah dibentuk dalam menjawab persoalan-persoalan yang telah dinyatakan. Objektif kajian ini ialah:

- ❖ Meninjau sejauhmana penyediaan kawasan lapang perumahan menepati garis panduan penyediaan yang telah ditetapkan.
- ❖ Mengetahui apakah pendekatan yang digunakan dalam mengurus kawasan lapang dan masalah-masalahnya.
- ❖ Mengenalpasti masalah pihak berkuasa tempatan dalam mengikut garis panduan yang ditetapkan.
- ❖ Meninjau tahap penyelenggaraan kawasan lapang oleh pihak berkuasa tempatan.
- ❖ Melihat perubahan tren kawasan lapang kepada kegunaan lain.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Penyediaan kemudahan masyarakat yang sempurna amat penting dalam usaha untuk melahirkan sebuah masyarakat yang sihat. Malah tahap kemajuan sesebuah negara juga diukur melalui tahap penyediaan kemudahan infrastruktur sosialnya. Adalah tidak adil hanya dengan menggunakan petunjuk ekonomi sahaja untuk mengukur tahap kemajuan sesebuah negara (Kerajaan Negeri Selangor, 2001).

Tahap penyelenggaraan yang rendah, aktiviti vandalisme menyebabkan kawasan lapang kurang mempunyai daya tarikan, bersemak dan nampak usang. Keadaan ini akan menyebabkan pengunjung semakin berkurang dan akhirnya taman-taman atau lot permainan kekurangan pengunjung.

Perbuatan mencemarkan kawasan lapang melalui pembuangan sampah sarap juga menyebabkan kawasan lapang tidak bersih. Masalah dalam sistem penyelenggaraan dan pengurusan taman-taman rekreasi oleh pihak berkuasa tempatan menyebabkan kawasan lapang kurang diselenggarakan (JPBD, 1999). Oleh itu kajian ini akan meninjau mengapakah berlakunya masalah tersebut dan pendekatan program pengurusan yang telah dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab. Pengkajian ini diharap akan dapat memberi gambaran yang sebenar corak pengurusan kawasan lapang. Ia bertujuan memberi panduan

kepada pihak bertanggungjawab supaya turut memberi penekanan kepada kawasan lapang dalam aspek perancangan sama seperti guna tanah lain.

1.5 SKOP KAJIAN

Penyelidikan akan memfokuskan kepada tahap penyediaan dan penyelenggaraan kawasan lapang perumahan, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor sebagai kajian kes. Tahap penyediaan menumpukan kepada persoalan adakah penyediaan kemudahan di kawasan lapang selari dengan garis panduan permohonan kelulusan landskap oleh Majlis Perbandaran Selayang. Manakala aspek penyelenggaraan memfokuskan kepada tahap penyelenggaraan yang dilakukan oleh Pihak berkuasa tempatan Majlis Perbandaran Selayang di dalam menguruskan kawasan lapang tersebut. Menurut Perry (Yahaya Ibrahim, 1995), kawasan kejiranan adalah sebagai unit organisasi masyarakat kecil yang perlu dibekalkan dengan semua kemudahan harian yang diperlukan oleh para penghuninya seperti padang permainan kanak-kanak, taman dan sekolah rendah. Ini akan dapat membekalkan perkhidmatan bagi kawasan tadahannya.

Pandangan Perry tentang kejiranan ini telah diterima oleh kebanyakan ahli perancang fizikal yang lain. Sehingga kini, unit kejiranan seumpama ini telah menjadi asas kepada perancangan kawasan perumahan. Dalam hal ini, perancang bandar telah berkali-kali mencuba

menggunakan faktor reka bentuk fizikal, umpamanya dalam penempatan kemudahan sosial untuk mencapai objektif sosial (Yahaya Ibrahim, 1995).

Di Malaysia, kawasan lapang dalam projek perumahan perlu disediakan oleh pemaju sebagai syarat untuk mendapatkan kebenaran merancang (JPBD, 1997). Kawasan lapang selain daripada seperti taman bandar dan wilayah disediakan oleh pihak kuasa tempatan untuk kemudahan rekreasi. Walaupun terdapat taman bandar yang disediakan oleh pihak swasta, tetapi ia dikenakan bayaran untuk menggunakannya seperti Sunway Lagoon kecuali Taman KLCC.

Pemilihan Mukim Batu, Gombak sebagai kajian kes kerana berdasarkan Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Selayang (1998), kawasan ini dizonkan sebagai kawasan perumahan utama di Daerah Gombak. Memandangkan Daerah Gombak terletak berhampiran dengan Kuala Lumpur, ia juga mengalami kesan limpahan pembangunan dari segi penumpuan penduduk yang memilih Mukim Batu sebagai tempat kediaman. Selain itu, Daerah Gombak mempunyai data kawasan lapang di kawasan perumahan yang lengkap. Oleh itu, pengkaji dapat melihat dengan jelas perletakan setiap kawasan lapang dengan kawasan perumahan. Walaupun pembangunan di daerah ini tidak lagi setepu Kuala Lumpur, tetapi ia juga mengalami masalah ketidakcukupan dari segi keluasan berdasarkan manual JPBD (Kerajaan Negeri Selangor, 2001). Berdasarkan pernyataan di atas, pengkaji berminat ini mendalami kajian ini untuk menjawab objektif dan persoalan yang telah dikemukakan.

1.6 ORGANISASI BAB

Kajian ini mempunyai tujuh bab yang dapat diringkaskan seperti di bawah :

i. Bab Pertama

Menerangkan latar belakang kajian yang berteraskan daripada permasalahan kajian. Matlamat, objektif, kepentingan dan skop kajian diterangkan secara ringkas untuk mendapatkan satu gambaran kasar tentang latar belakang kajian.

ii. Bab Kedua

Memperlihatkan kepelbagaian definisi konsep rekreasi dan kawasan lapang oleh para pengkaji. Keperluan terhadap kemudahan rekreasi dan kawasan lapang untuk mencerminkan kepentingannya sebagai salah satu komponen yang penting dalam proses perancangan pada hari ini. Peruntukan perundangan yang selari dengan aspek rekreasi di Malaysia turut dibincangkan untuk memantapkan kepentingan kemudahan rekreasi.

iii. Bab Ketiga

Melihat pendekatan luar negara mengenai penyediaan kawasan lapang dengan mengambil contoh beberapa negara seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat. Perbandingan piawai penyediaan kawasan lapang antara Malaysia dengan negara tersebut juga dibincangkan.

iv. Bab Keempat

Menerangkan metodologi yang digunakan dalam proses penyelidikan ini. Kaedah pengumpulan data akan dibincangkan secara terperinci.

v. Bab Kelima

Meninjau latar belakang kawasan kajian dari segi keluasan, jumlah penduduk, konsep pembangunan dan kemudahan kawasan rekreasi sedia ada di kawasan kajian.

vi. Bab Keenam


Bab ini membincangkan analisis kajian hasil daripada kajian inventori fizikal ke atas kawasan lapang, temubual dengan pihak berkuasa tempatan dan ketua komuniti di kawasan perumahan masing-masing.

vii. Bab Ketujuh

Merupakan bab yang terakhir yang terdiri daripada rumusan keseluruhan tentang penemuan kajian untuk menjawab semua objektif yang ditetapkan. Cadangan turut dikemukakan untuk mempertingkatkan lagi kualiti kawasan lapang untuk menyediakan kemudahan berekreasi yang sempurna kepada pengguna.

BAB DUA

REKREASI DAN KAWASAN LAPANG



BAB 2

REKREASI DAN KAWASAN LAPANG

2.0 PENGENALAN

Pembangunan taman-taman perumahan di Malaysia diperkenalkan pada pertengahan 1970an dan mula giat dibangunkan pada tahun 1980an. Kawasan pinggir bandar yang dahulunya kawasan pertanian telah diterokai untuk pembangunan perumahan. Konsep perumahan ini telah diasaskan daripada konsep kejiranan dari barat yang diperkenalkan oleh Clarence Perry, Clarence Stein dan Jose Sert (Yahaya Ibrahim, 1992). Taman-taman perumahan dirancang dengan pelbagai jenis rumah dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan sosial termasuklah kawasan lapang.

Hal ini menunjukkan kerajaan sedar akan kepentingan untuk mewujudkan satu kawasan rekreasi yang sempurna dalam meningkatkan kualiti hidup sesebuah masyarakat. Penekanan kepada aktiviti penyelarasan dan pengawasan taman-taman awam timbul di atas kesedaran

bahawa pembangunan taman-taman awam oleh pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan masih kurang diberi penekanan. Jika ada sekalipun, penekanan perancangan tidaklah terperinci dan kebanyakan pembangunan adalah secara ad-hoc sahaja. Kenyataan ini dapat disokong dengan melihat sendiri kualiti kawasan lapang pada hari ini (Zainuddin Mohamad, 1993).

Pengurusan ada kaitannya dan bermula selepas perancangan. Tujuan pentadbiran dan pengurusan kawasan rekreasi adalah untuk menyediakan peluang-peluang berekreasi kepada seberapa ramai yang boleh dengan kadar kos yang paling minima. Seiring dengan itu, pengurusan mestilah menjamin bahawa nilai pelbagaigunaan rekreasi akan berada dalam keadaan yang baik dan berterusan.

Dalam bidang pengurusan, ia turut melibatkan aspek pengawalan dan pengubahsuaian alam sekitar. Beberapa kemudahan yang sedia ada boleh digunakan untuk melaksanakan tugas pentadbiran dan pengurusan dengan lebih baik. Kemudahan yang dimaksudkan seperti pengzonan, pembangunan, pengubahsuaian alam sekeliling, pemuliharaan, undang-undang dan peraturan, perhubungan awam, interpretasi dan penyelidikan. Bantuan daripada tenaga mahir dengan peruntukan kos penyelenggaraan yang mencukupi akan menjamin kejayaan pentadbiran dan pengurusan kawasan lapang (Wan Sabri Wan Mansor, 1983).

Selain itu, pengawalan yang berkesan sama ada daripada pihak berkuasa tempatan atau kerajaan negeri dalam aspek penyelenggaraan dan penguatkuasaan undang-undang yang tegas diperlukan untuk memastikan kualiti dan pengurusan kawasan lapang di seluruh negara berada dalam keadaan yang sepatutnya. Menyedari tentang tekanan yang kuat ke atas kawasan lapang kini, seharusnya semua pihak bersama-sama mengemblem tenaga dan berganding bahu dalam menjaga kawasan lapang yang masih ada supaya fungsinya masih terus kekal untuk generasi pada masa kini dan akan datang.

2.1 DEFINISI DAN KONSEP REKREASI

Definisi rekreasi itu sendiri sebenarnya terlalu umum dan luas. Rekreasi sama maksudnya berhibur atau hiburan. Rekreasi juga merupakan kegiatan waktu senggang yang boleh menghiburkan hati. Namun, sinonimnya rekreasi di kalangan masyarakat kita kerana ia lebih tertumpu pada aktiviti-aktiviti riadah bercorak sukan berbanding hiburan. Kepentingan amalan atau aktiviti rekreasi itu sendiri telah disedari oleh kerajaan dengan semakin meningkatnya kempen membentuk dan mengalakkan gaya hidup sihat di kalangan rakyat melalui program dan aktiviti rekreasi yang dirancang (<http://www.utusan.com>).

Menurut Jay. S. Shivers (1981) dalam bukunya bertajuk 'Leisure and Recreation Concept : A Critical Analysis', menyatakan konsep rekreasi adalah satu istilah yang abstrak, hasil daripada

kepelbagaian makna di dalam konteks yang berlainan. Beliau mengatakan bahawa perkataan rekreasi tidak dapat menunjukkan makna yang tepat dengan sendiri walaupun rekreasi sering dikaitkan dengan aktiviti ketenangan, keseronokan dan kepuasan kepada individu. Beliau menyatakan lima konsep yang berkait rapat dengan pendefinisian rekreasi yang merangkumi konsep masa kesenggangan, motif utama rekreasi, kebebasan pilihan jenis rekreasi, cara aktiviti rekreasi dan bentuk rekreasi. Jelasnya, istilah rekreasi mempunyai hubungan pertalian yang rapat dengan masa berekreasi, tujuan dan jenis aktiviti rekreasi .

Dari sudut sosiologi, rekreasi dilihat sebagai satu saluran yang baik dalam mengembalikan kekuatan tenaga manusia yang lesu. Ia merupakan satu komponen yang penting dalam membebaskan diri daripada tekanan kehidupan harian menerusi aktiviti yang sesuai. Umumnya, beliau melihat rekreasi meliputi kepelbagaian aktiviti yang dijalankan oleh seseorang individu selaras dengan masa kesenangan, keadaan spontan dan keseronokan yang mana motif asas aktiviti tersebut adalah memperolehi manfaat dan kepuasan kepada individu (Martin H. Neumeyer et al. 1936).

Berbeza dengan Martin H. Neumeyers, Godbey, G. (1978) menyatakan rekreasi mempunyai sifat keseronokan dan aspek tersebut harus dipertingkatkan. Beliau juga menghubungkan konsep rekreasi dengan pekerjaan yang mana ia mempunyai hubungan yang erat.

Secara keseluruhannya, konsep rekreasi adalah luas. Ia bukan sahaja dikaitkan dengan konsep beristirehat, malah turut mempunyai hubungan yang rapat dengan menenangkan tekanan jiwa, bebas daripada kebisingan, memperolehi kesegaran, kecergasan tubuh dan mental melalui aktiviti yang sesuai seperti bersiar-siar, bersukan dan aktiviti yang dapat memberi keselesaan dan kepuasan kepada individu.

2.1.1 JENIS-JENIS REKREASI

Terdapat dua jenis aktiviti yang boleh dijalankan di atas kawasan lapang iaitu:

i. Rekreasi Aktif

Jenis rekreasi aktif adalah seperti berjogging, 'brisk walk', bermain bola, berbasikal dan lain-lain. Tanah lapang yang menyediakan kemudahan untuk aktiviti yang aktif adalah seperti gelanggang sukan, 'jogging track' dan padang permainan kanak-kanak.

ii. Rekreasi Pasif

Jenis aktiviti rekreasi pasif adalah seperti berjalan, bersiar, duduk berehat menikmati keindahan alam, berkelah dan lain-lain. Kawasan lapang yang menyediakan kemudahan untuk aktiviti pasif adalah seperti taman awam, taman bunga awam, laluan pejalan kaki, wakaf dan tempat peranginan. Aktiviti rekreasi pasif ini melibatkan semua peringkat umur termasuk golongan tua dan golongan kurang upaya (JPBD, 1997).

Rekreasi memainkan peranan penting dalam kehidupan setiap individu selaras dengan aspek kesihatan yang semakin ditekankan. Walaupun telah ramai para cendekiawan memberi definisi rekreasi, rekreasi ialah satu aktiviti yang dapat menghilangkan tekanan dan dapat menyihatkan badan melalui pelbagai pemilihan aktiviti rekreasi.

2.1.2 : CIRI-CIRI YANG MEMPENGARUHI KECENDERUNGAN BEREKREASI

Pada umumnya terdapat lima ciri utama yang mempengaruhi kecenderungan masyarakat untuk melakukan aktiviti rekreasi iaitu :

- i. Ciri-ciri sosio-ekonomi seperti taraf pendidikan, pekerjaan, struktur sosial dan pendapatan. Taraf hidup penduduk yang tinggi akan meningkatkan penglibatan dalam aktiviti rekreasi.
- ii. Ciri-ciri demografi seperti kaum, status perkahwinan, umur, jantina dan komposisi. Ciri-ciri ini akan mempengaruhi bentuk penglibatan sama ada secara individu atau berkeluarga, jenis aktiviti yang diminati dan sebagainya.
- iii. Ciri-ciri mobiliti penduduk yang ditentukan oleh pemilikan kenderaan sendiri atau kemudahan pengangkutan awam. Kadar pemilikan kenderaan persendirian akan

meningkatkan penglibatan isi rumah berekreasi di kawasan rekreasi peringkat daerah atau wilayah.

- iv. Ciri-ciri masa lapang yang mana biasanya seseorang individu mempunyai jumlah masa lapang yang berbeza akibat daripada perbezaan ciri-ciri sosio-ekonomi dan demografi. Peruntukan masa lapang yang panjang akan meningkatkan masa berekreasi penduduk.
- v. Ciri-ciri persekitaran seperti lokasi kediaman, lokasi kemudahan rekreasi dan juga sistem perbandaran itu sendiri. Perletakan kawasan rekreasi yang berdekatan akan meningkatkan kekerapan pengunjung untuk mengunjungi kawasan rekreasi (JPBD, 1999).

2.2 HUBUNGAN ANTARA KESENGGANGAN DAN REKREASI

Pada asasnya, kesenggangan boleh dianggap sebagai masa lapang seseorang selepas mengerjakan tanggungjawab harian. Kesenggangan bukanlah sesuatu yang baru dalam kehidupan manusia. Definisi dan interpretasi yang paling biasa mengenai kesenggangan ialah ia melambangkan masa luang yang ada oleh seseorang selepas mengerjakan segala yang perlu. Kesenggangan telah didefinisikan sebagai :

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Borang Arahan Menjilid Bagi Buku

PENGARANG: ROOSLINDA MAAMAT

TAJUK: PENYEDIAAN DAN PENKURUSAN
KAWASAN LAPANG

NO. PANGGILAN		NO. PEROLEHAN		BIL. NASKAH	
				/	
		COPY NUMBER			
WARNA BAHAN JILID			JENIS BAHAN JILID		
BIRU ✓	MERAH	BUCKRAM	LAIN-LAIN <i>Merang</i>		
MENGIKUT KEUTAMAAN PENJILID					
SEGERAKAN KEPADA <i>PBC</i>		ARAHAN-ARAHAN LAIN			
BUKU SIMPANAN KHAS		<i>---</i>			
TARIKH DIPINJAM:					
TARIKH PERSEDIAAN: <i>12/10/02</i>			TANDATANGAN: <i>[Signature]</i>		
DISEMAK OLEH:					
TARIKH DIHANTAR: <i>2002</i>			PENERIMA:		
TARIKH DIPULANGKAN: <i>2002</i>			PENERIMA:		

'...masa yang ada pada individu di mana ia boleh bertindak sesuka hatinya selepas dia menghabiskan kerja dan memenuhi lain-lain obligasi. Masa kesenggangan adalah suatu waktu kebebasan, apabila seseorang boleh mempertinggikan lagi nilai-nilai sebagai seorang manusia dan sebagai seorang ahli masyarakat yang produktif' (Norhalim Hj. Ibrahim, 1983).

Menurut Lawson dan Baud-Bovy yang dipetik daripada Melasutra Md. Dali (1998) masa senggang terbahagi kepada empat jenis iaitu :

- ❖ Penggunaan kemudahan rekreasi harian yang dekat dengan tempat kediaman atau tempat kerja untuk waktu yang singkat pada siang hari.
- ❖ Rekreasi sehari yang meliputi lawatan ke kawasan pinggir bandar atau jauh ke pedalaman negeri tetapi tidak begitu jauh dari rumah dan tidak perlu bermalam.
- ❖ Cuti hujung minggu dan cuti pendek yang kerap dihabiskan di rumah kedua atau tempat tumpangan sementara yang berdekatan dengan tempat kediaman.
- ❖ Cuti panjang yang tidak banyak melibatkan halangan jarak dan boleh dihabiskan dalam negeri sendiri ataupun di luar negeri.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kesenggangan adalah masa bebas dan individu boleh memilih aktiviti yang dilakukan secara sukarela, memberi kepuasan dan menyegarkan semula.

Manakala rekreasi pula ialah kegiatan yang dilakukan dalam masa senggang tersebut yang dapat menghasilkan kepuasan rohani dan jasmani. Kesenggangan dan rekreasi mempunyai unsur yang simbiotik kerana kedua-dua amat saling bergantung. Hasil yang diharapkan daripada aktiviti rekreasi seperti kesegaran dan keseronokan, hubungan sosial, keseimbangan yang lahir melalui tindakan dan pengalaman yang dilakukan.

2.3 DEFINISI KAWASAN LAPANG

Banyak pendapat telah diberikan dalam mendefinisikan kawasan lapang. Kawasan lapang merupakan kawasan kosong, terbuka atau tidak diliputi oleh struktur binaan. Ia juga bermaksud kawasan darat atau permukaan air yang tidak diliputi bangunan atau apa-apa jua struktur yang kekal. Definisi kawasan lapang membawa maksud yang berbeza-beza terutama apabila diaplikasikan kepada fungsi-fungsi guna tanah yang berbeza.

Mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 (Akta A933), tanah lapang ditakrifkan sebagai

mana-mana tanah sama ada dikepung atau tidak yang dikhaskan keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin awam, tempat jalan kaki awam atau sebagai suatu tempat awam (JPBD, 1997).

Menurut Mustapha Aris (1992), kawasan lapang bolehlah dianggap sebagai tanah yang berada di dalam kawasan bandar di mana ia boleh digunakan untuk melakukan aktiviti-aktiviti bebas, menikmati pemandangan, mempunyai nilai-nilai estetika dan pendidikan, ia terpelihara dan kreatif serta ia produktif kepada orang ramai. Malah menurut beliau lagi, kawasan lapang secara amnya terdiri daripada taman-taman awam, mempunyai kemudahan untuk bersukan dan ia merupakan tanah yang direzabkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

Menurut Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan (1982), kawasan lapang didefinisikan sebagai suatu taman, taman bunga awam, kawasan untuk bersukan, tempat makan angin atau tempat untuk berjalan-jalan, kawasan rekreasi awam dan juga merupakan satu tempat awam.

Dari segi istilah secara umum, kawasan lapang dapat diertikan sebagai tanah lapang yang tiada sebarang struktur binaan di atasnya. Oleh itu kawasan lapang tidak termasuk kawasan terbiar atau kawasan yang tidak dibangunkan, kawasan lebih selepas pembangunan atau kawasan selepas pembangunan ataupun kawasan lapang antara bangunan walaupun ia memainkan peranan kepada fungsi kawasan lapang sebenar. Namun begitu, walau apapun definisi yang diberikan kepada kawasan lapang, istilah kawasan lapang itu secara sendirinya menerangkan keadaan tanah yang kosong tanpa sebarang pembangunan di atasnya (Melasutra Md. Dali, 1998).

2.3.1 JENIS DAN KLASIFIKASI KAWASAN LAPANG

Menurut Pike, J. (1979), kawasan lapang di dalam kawasan perumahan dapat diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu:

- ❖ Kawasan lapang persendirian
- ❖ Kawasan lapang awam

Bagi kategori pertama, kawasan lapang persendirian merupakan ruang yang terdapat di dalam lot-lot rumah seperti kawasan lapang yang di hadapan rumah yang juga memainkan peranan sebagai halaman rumah tetapi mempunyai sempadan fizikalnya sendiri. Pada amnya, keluasan bagi kawasan lapang di dalam kategori ini adalah tidak dihadkan kerana ia bergantung kepada jenis dan saiz rumah tersebut.

Kawasan lapang awam pula ialah kawasan yang telah dikhaskan oleh pihak berkuasa di mana ia dirancang dan direkabentuk. Pelaksanaan dan perancangan yang berkesan akan memberi imej yang baik ke atas taman perumahan tersebut. Pembinaan kawasan lapang awam seharusnya berperanan sebagai pusat interaksi antara penduduk di kawasan perumahan tersebut. Pemilihan tapak yang sesuai adalah penting supaya ia mempunyai aksesibiliti yang tinggi kepada penduduk yang seterusnya akan menghidupkan fungsi kawasan lapang itu sendiri apabila ia dikunjungi oleh komuniti tersebut.

Mengikut garis panduan perancangan tanah lapang dan rekreasi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (1997), kawasan lapang telah diklasifikasikan kepada 7 kategori iaitu:

- Lot permainan
- Padang permainan
- Padang kejiranan
- Taman tempatan
- Taman bandar
- Taman wilayah
- Taman nasional

2.3.2 FUNGSI KAWASAN LAPANG

Menurut Nik Ahmad Fakharul Razi (1984), terdapat empat fungsi utama kawasan lapang iaitu:

- i. Untuk menampung aktiviti rekreasi aktif dan pasif bagi semua peringkat umur
- ii. Mempertingkatkan kualiti dan keselesaan penglihatan dan keindahan landskap di kawasan bandar
- iii. Bertindak sebagai pemisah di antara guna tanah-guna tanah yang tidak sesuai dan sebagai identiti kejiranan

- iv. Untuk tujuan pemeliharaan iaitu untuk melindungi flora dan fauna di samping sebagai tujuan keseimbangan pembangunan antara kawasan hijau dan kawasan tepubina

Menurut Mustapha Aris (1992), fungsi kawasan lapang di sesuatu kawasan adalah untuk menjalankan rekreasi aktif seperti berjogging, bersenam, bersukan dan rekreasi pasif seperti duduk sambil menikmati keindahan alam, berehat dan sebagainya yang merangkumi semua peringkat golongan umur dari golongan kanak-kanak sehinggalah ke peringkat golongan tua. Menurutnya lagi kawasan lapang dapat bertindak sebagai zon penampungan khususnya kepada corak guna tanah yang kurang sesuai seperti kawasan perumahan yang terletak bersebelahan dengan kawasan industri. Selain itu, ia juga menjadi pelindung kepada pengekalan unsur flora terutamanya kepada tumbuh-tumbuhan yang sukar tumbuh dan memerlukan tempoh jangka hayat yang lama untuk mencapai usia matang.

Francis Mark et al. (1984), menyatakan kawasan lapang berfungsi untuk menghilangkan tekanan yang dialami oleh individu, menurunkan suhu sesebuah kawasan akibat daripada aktiviti yang dijalankan di kawasan tersebut, mengurangkan pandangan dan tanggapan terhadap kawasan sesak di bandar serta memperbaiki kualiti udara di dalam kawasan kejiranan bagi memastikan penduduk dapat menikmati kehidupan yang selesa dan menghirup udara yang segar sepanjang mereka menghuni di unit kejiranan.

2.4 KEPERLUAN KEGUNAAN KAWASAN LAPANG

Menurut De Chiara (1995), keperluan kawasan lapang ini dapat dikategorikan berdasarkan kepada beberapa peringkat umur iaitu:

i. Kanak-kanak Pra Sekolah

Penyediaannya untuk kanak-kanak yang berusia 6 tahun ke bawah dan perletakkannya



Sumber : DSP (M) Sdn. Bhd. (1999)

Foto 1 : 'Spring Item' yang sesuai digunakan oleh kanak-kanak

mestilah berdekatan kawasan perumahan dengan jarak antara 300 hingga 400 kaki untuk memudahkan ibu bapa mengawasinya. Selain itu, lokasinya juga mestilah jauh daripada laluan kenderaan dan jalan yang sibuk bagi menjamin keselamatan kanak-kanak. Antara kemudahan yang disediakan seperti peralatan permainan yang bersesuaian dengan usianya dan kawasan berpasir.